

Tajuk: Kajian Imej dan Kesetiaan Pelajar Terhadap Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional

(Kertas Kajian)

Abstrak

Tenaga kerja berkemahiran tinggi di bidang teknikal dan vokasional terus menjadi tunggak kepada pembangunan ekonomi berteraskan pengetahuan dan hasrat mencapai status negara industri maju menjelang 2020. Tenaga kerja ini perlu dibangunkan selaras dengan keperluan pasaran buruh di masa hadapan. Imej dan kebanggaan kerjaya di bidang teknikal dan vokasional perlu terus dipupuk dan dipertingkatkan lagi. Persepsi terhadap imej dan kebanggaan kerjaya di bidang teknikal dan vokasional dari pelbagai *stakeholder* yang masih rendah wajar disesuaikan semula agar selari dengan kemajuan industri negara. Justeru kajian ini meninjau persepsi pelajar dan pelatih terhadap imej dan kesetiaan terhadap bidang pendidikan teknik dan latihan vokasional negara.

Saiz sampel kajian ini terdiri dari 356 pelajar tingkatan 4 sekolah menengah kerajaan dan 102 perantis di pusat latihan swasta. Borang soal selidik yang diisi oleh pelajar dan pelatih digunakan untuk mengumpul maklumat kajian ini. Analisis diskriptif, korelasi dan regresi digunakan untuk menjelaskan hasil kajian. Hasil kajian mendapati pelajar sekolah dan perantis tidak bersetuju bahawa pelajar pendidikan teknik dan vokasional adalah berlatar akademik rendah, dilikuensi, bermasalah serta mempunyai aspirasi melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi yang rendah. Perantis pula memberikan imej pendidikan teknik dan vokasional yang lebih tinggi berbanding pelajar sekolah. Pelajar sekolah juga rendah kesetiannya untuk meneruskan pengajian dan kerja di bidang teknikal dan vokasional berbanding perantis. Pengiktirafan terhadap kelayakan, etika kerja dan nilai sosial serta kebolegunaan kandungan kursus menjadi penentu utama terhadap kesetiaan pelajar dan pelatih terhadap bidang ini.

Usaha perlu diberikan kepada mempromosi pengiktirafan kelayakan pendidikan teknik dan vokasional, keupayaan melahirkan tenaga kerja berkualiti, berpengetahuan dan inovatif serta memiliki etika kerja dan nilai murni yang tinggi wajar sering ditampilkan terutamanya menerusi media elektronik. Expo tahunan yang menampilkan kejayaan pendidikan teknik dan vokasional wajar dianjurkan di peringkat daerah oleh Jabatan Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menarik serta memupuk minat pelajar sekolah menengah. Persepsi umum terhadap pendidikan teknik dan vokasional boleh ditingkat lagi menerusi siaran filem dokumentari yang memapar mobiliti kerjaya dan kecemerlangan kerja pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sama ada di dalam negara mahu pun di luar negara.

